

**KRISIS PENGANGGURAN BELIA YANG
MENCEBURI EKONOMI GIG SEMASA
PANDEMIK COVID-19 DI KOTA
KINABALU, SABAH.**

**NURUL HAFIZA BINTI LABIN
BA18110659**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021.**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**KRISIS PENGANGGURAN BELIA YANG
MENCEBURI EKONOMI GIG SEMASA
PANDEMIK COVID-19 DI KOTA
KINABALU, SABAH.**

**NURUL HAFIZA BINTI LABIN
BA18110659**

**LATIHAN ILMIAH INI DISERAHKAN BAGI
MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL
DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG
HUBUNGAN INDUSTRI**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021.**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN PELAJAR

Dengan ini, saya Nurul Hafiza binti Labin, pemegang no. Matrik BA18110659 mengakui bahawa Latihan Ilmiah bertajuk "Krisis Pengangguran Belia yang Menceburi Ekonomi Gig Semasa COVID-19 di Kota Kinabalu, Sabah" merupakan hasil usaha saya sendiri, melainkan sumber yang telah saya nyatakan rujukan. Latihan Ilmiah ini disediakan bagi memenuhi syarat pemerolehan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian dalam Hubungan Industri, Universiti Malaysia Sabah.

NURUL HAFIZA BINTI LABIN

BA18110659,
PROGRAM HUBUNGAN INDUSTRI,
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.



PENGESAHAN PENYELIA

Latihan ilmiah bertajuk bertajuk "Krisis Pengangguran Belia yang Menceburi Ekonomi Gig Semasa COVID-19 di Kota Kinabalu, Sabah" yang disediakan oleh Nurul Hafiza binti Labin, pemegang no. Matrik BA18110659 ini adalah syarat bagi memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian dalam Hubungan Industri, Universiti Malaysia Sabah.

PROF. MADYA. DR. DZURIZAH IBRAHIM,
PENYELIA LATIHAN ILMIAH,
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Syukur ke hadrat ilahi kerana atas izin-Nya, latihan ilmiah ini akhirnya dapat disiapkan sebagai syarat pemerolehan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian dalam Hubungan Industri.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Professor Madya Dr. Dzurizah Ibrahim, selaku penyelia kerana telah membimbing, memberi tunjuk ajar, nasihat, dan panduan dari proses awal hinggalah ke titik akhir pelaksanaan kajian ilmiah ini. Tidak akan saya lupakan jasa beliau kerana nilainya tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Tidak dilupakan juga, ribuan terima kasih kepada para pensyarah Hubungan Industri yang lain kerana sentiasa memberi nasihan dan galakan membina kepada para pelajar agar terus bersemangat dalam proses pelaksanaan kajian ilmiah ini.

Berbanyak-banyak terima kasih juga saya ucapkan kepada para informan yang sudi meluangkan masa untuk berkongsi cerita dan pengalaman mereka. Setiap bait-bait kata yang mereka kongsi amat bermakna kerana ianya tidak dapat diperoleh dari mana-mana sumber melainkan pengalaman informan sendiri. Tanpa adanya bantuan dan kerjasama daripada mereka, latihan ilmiah ini mungkin tidak dapat dilaksanakan. Semoga tuhan sentiasa mempermudah segala urusan mereka.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ayahanda dan bonda tercinta kerana telah banyak memberikan sokongan, dorongan, bantuan, kefahaman, dan restu sepanjang latihan ilmiah ini dilaksanakan. Begitu juga dengan ahli keluarga lain yang turut terlibat. Segala bantuan dan kata-kata semangat yang diberikan akan sentiasa dikenang dan tidak akan dilupakan. Hanya tuhan sahaja yang mampu membalas segala jasa baik kalian.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua rakan-rakan dan pihak yang terlibat tidak kira secara langsung mahupun tidak langsung dalam pelaksanaan

latihan ilmiah ini. Diharapkan segala bantuan yang diberikan akan dibalas dengan ganjaran dan kebaikan yang lebih baik daripada-Nya.

Sekian, terima kasih.

NURUL HAFIZA BINTI LABIN

BA18110659,

PROGRAM HUBUNGAN INDUSTRI,

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN,

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneroka krisis pengangguran belia yang menceburi ekonomi gig semasa pandemik COVID-19 di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini dijalankan kerana berlaku peningkatan kadar pengangguran terutamanya dalam kalangan belia di Sabah sepanjang pandemik COVID-19 berlaku. Oleh itu, kajian ini ingin mengenalpasti faktor pengangguran belia menceburi ekonomi gig, bentuk-bentuk ketaksamarataan sebelum dan semasa menganggur, serta inisiatif belia dan tindak balas kerajaan bagi mengatasi pengangguran tersebut. Seramai enam informan dipilih dan ditemu bual. Bagi memperoleh data, kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual bagi menjana data dan maklumat yang telah dianalisis. Berdasarkan analisis dapatan kajian, faktor ketidakteguhan kondisi pekerjaan, pasaran kerja, pandemik COVID-19, dan individu telah mempengaruhi pengangguran dialami informan. Manakala bentuk ketaksamarataan kelas sosial utama yang banyak dialami sebelum dan semasa menganggur adalah pemerolehan pendapatan. Bagi mengatasi pengangguran pula, belia cenderung fokus kepada pengembangan kemahiran dan kerjaya, serta bersuara bagi mengatasi pengangguran dialami. Manakala pihak kerajaan bertindak balas dengan melaksanakan program kemahiran dan kerjaya dalam membendung masalah tersebut.

Kata kunci : pengangguran, belia, ekonomi gig, pekerja bebas, ketidakteguhan pekerjaan, COVID-19.

ABSTRACT

This study was conducted to explore the youth unemployment crisis among gig workers during COVID-19 pandemic, in Kota Kinabalu, Sabah, due to the increase in the number of unemployment, especially among youths in Sabah during the COVID-19 pandemic. Thus, this study aims to identify the factors of youth unemployment and forms of inequality before and during unemployment among gig workers during the pandemic, as well as their initiatives and government responses to tackle the unemployment issues. Six informants have been selected and interviewed. Qualitative method was used to generate data and information that has been analyzed. Based on the analysis, the factor of the unemployment due to precariousness of the job, job market, the COVID-19 pandemic, and individual factors. While the main form of inequality in social class before and during unemployment is income acquisitions. To overcome unemployment, youths tend to focus on skills and career development, as well as through voice. Meanwhile, the government responded by implementing skills and career programs to curb the problem.

Keywords : *youth, unemployment, economy gig, freelancer, COVID-19, inequalities.*

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	viii-xiv
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI GAMBAR	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1: Pengenalan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1-4
1.3 Permasalahan Kajian	4-9
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9-10
1.6 Skop Kajian	10-11
1.7 Kepentingan Kajian	11-12
1.8 Definisi Operational	12
1.8.1 Ketidakteguhan Pekerjaan	12-13
1.8.2 Ekonomi Gig	13
1.8.3 Pekerja Bebas	13
1.8.4 Belia	13-14
1.8.5 Kelas Sosial	14
1.8.6 Ketaksamarataan	14
1.8.7 Covid-19	14
1.9 Susunan Bab	15-16
1.10 Rumusan Bab	16

Bab 2: Sorotan Literatur

2.0	Pengenalan	17
2.1	Definisi Konseptual	17
2.1.1	Konsep Pengangguran	17-19
2.1.2	Konsep Belia	19-20
2.1.3	Konsep Ketidakteguhan Pekerjaan	20-21
2.1.4	Konsep Ekonomi Gig	21-22
2.1.4.1	Jenis Ekonomi Gig	22
2.1.4.2	Kategori Ekonomi Gig	23
2.1.4.3	Platform Ekonomi Gig	23-24
2.1.4.4	Kondisi Pekerjaan Ekonomi Gig	24-26
2.1.5	Konsep Pekerja Bebas	26-27
2.1.6	Konsep Kelas Sosial	27-28
2.1.7	Konsep Ketaksamarataan dalam Ketidakteguhan Pekerjaan	28-30
2.1.8	Perkaitan Konsep Pengangguran, Ketidakteguhan Pekerjaan, Dan Ketaksamarataan Kelas Sosial Dalam Kalangan Belia	30-32
2.2	Teori Berkaitan	32
2.2.1	Teori Rodgers (1981) Berkenaan Ketidakteguhan Pekerjaan	32-33
2.3	Pengangguran Belia Di Malaysia	33
2.3.1	Kemelesetan Ekonomi Dunia	33
2.3.2	Kemahiran Belia	33-34
2.3.3	Sikap Dan Latar Belakang	34
2.3.4	Pasaran Kerja	34-35
2.3.5	Pandemik Covid-19	35
2.4	Faktor Mempengaruhi Pengangguran Dalam Ekonomi Gig	35
2.4.1	Faktor Ketidakteguhan Pekerjaan	36
2.4.1.1	Kurang Perlindungan Pekerjaan	36-37
2.4.1.2	Pekerjaan Bersifat Sementara	37-38
2.4.2	Faktor Pasaran Kerja	38
2.4.2.1	Kurang Permintaan	38-39

2.4.3	Faktor Pandemik Covid-19	39
	2.4.3.1 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	39-40
2.5	Bentuk-Bentuk Ketidaksamarataan Kelas Sosial Dialami Belia Yang Menceburi Ekonomi Gig Sebelum Dan Semasa Berlakunya Pengangguran	40
2.5.1	Ketaksamarataan Pemerolehan Pendapatan	40-42
2.5.2	Ketaksamarataan Manfaat Pekerjaan	42-43
2.5.3	Ketaksamarataan Peluang Pengembangan Kerjaya	43-44
2.5.4	Ketaksamarataan Layanan Masyarakat	45
2.5.5	Ketaksamarataan Sokongan Pemerintah	45-46
2.5.6	Ketaksamarataan Pengembangan Kemahiran	46-47
2.5.7	Ketaksamarataan Akses Kesihatan	47-48
2.5.8	Ketaksamarataan Berpersatuan Untuk Tawar Menawar Kolektif	48-49
2.6	Inisiatif Belia Yang Menceburi Ekonomi Gig Dan Tindak Balas Kerajaan Bagi Mengatasi Pengangguran	50
2.6.1	Inisiatif Belia Yang Menceburi Ekonomi Gig Dalam Mengatasi Pengangguran	50
2.6.1.1	Pengembangan Kemahiran	50
	a) Mengasah Kemahiran	50
2.6.1.2	Pengembangan Kerjaya	50
	a) Mencipta Pekerjaan Sendiri	51
2.6.1.3	Bersuara	51-52
	a) Bersuara Berkenaan Isu Pengangguran	52
2.6.2	Tindak Balas Kerajaan Bagi Mengatasi Pengangguran	52
	2.6.2.1 Dasar Pengembangan Kemahiran	52
	2.6.2.2 Dasar Pengembangan Kerjaya	53-54
2.7	Kerangka Konseptual	55
2.8	Perbezaan Kajian Dahulu Dan Terkini	56-57
2.9	Rumusan Bab	58
 Bab 3: Metodologi Kajian		
3.0	Pengenalan	59

3.1	Reka Bentuk Kajian	59
3.1.2	Pendekatan Kualitatif	59
3.1.2	Carta Alir Proses Kajian	60
3.2	Unit Analisis	61
3.3	Persampelan Kajian	61-62
3.3.1	Lokasi Kajian	62
3.3.2	Platform Ekonomi Gig	63
	3.3.2.1 Platform Freelancer.com	63
	3.3.2.2 Platform Upwork	63
	3.3.3.3 Platform LinkedIn	64
	3.3.3.4 Website Wix	64
	3.3.3.5 Platform Facebook	65
	3.3.3.6 Platform Twitter	65
	3.3.3.7 Platform Instagram	66-67
3.4	Teknik Persampelan Kajian	67
3.5	Teknik Pengutipan Data	68
3.5.1	Data Primer	68
	3.5.1.1 Temu Bual	68-69
	3.5.1.2 Pemerhatian	69-70
3.5.2	Data Sekunder	70
	3.5.2.1 Kepustakaan	70
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	71
3.6.1	Data Primer	71-72
3.6.2	Data Sekunder	72-73
3.7	Analisis Data	73-77
3.8	Rumusan Bab	77

BAB 4 : ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	78
4.1	Analisis Latar Belakang Informan	78-79
4.2	Faktor Mempengaruhi Pengangguran Pengangguran Belia Yang Menceburi Ekonomi Gig semasa Pandemik COVID-19 di Kota Kinabalu, Sabah.	80

4.2.1	Kondisi Ketidakteguhan Pekerjaan	80-81
	4.2.1.1 Kurang Perlindungan Pekerjaan	82
	4.2.1.2 Pekerjaan Bersifat Sementara	82-83
4.2.2	Pengaruh pasaran Kerja	83
	4.2.2.1 Kurang Permintaan	83-84
4.2.3	Pandemik COVID-19	84-87
	4.2.3.1 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	87
	4.2.3.2 Standard of Procedure (SOP)	87-88
4.2.4	Individu	
	4.2.4.1 Tahap Profesionalisme	88-89
	4.2.4.2 Kurang Pengalaman Kerja	89-90
4.3	Bentuk-Bentuk Ketidaksamarataan Kelas Sosial Yang Dialami Belia Yang Menceburi Ekonomi Gig Sebelum Dan Semasa Berlakunya Pengangguran Semasa Pandemik Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah.	90-91
4.3.1	Ketaksamarataan Pemerolehan Pendapatan	92-101
4.3.2	Ketaksamarataan Manfaat Pekerjaan	101-104
4.3.3	Ketaksamarataan Peluang Pengembangan Kerjaya	104-107
4.3.4	Ketaksamarataan Layanan Masyarakat	107-109
4.3.5	Ketaksamarataan Sokongan Pemerintah	109-110
4.3.6	Ketaksamarataan Pengembangan Kemahiran	110-111
4.3.7	Ketaksamarataan Akses Kesihatan	112
4.3.8	Ketaksamarataan Berpersatuan untuk Tawar Menawar Kolektif	112
4.4	Inisiatif Belia Yang Menceburi Ekonomi Gig Dan Tindak Balas Kerajaan Yang Dimanfaatkan Bagi Mengatasi Pengangguran Semasa Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah.	113
4.4.1	Inisiatif Belia	113
	4.4.1.1 Pengembangan Kemahiran	113-114
	4.4.1.2 Pengembangan Kerjaya	114-117

4.4.1.3	Bersuara	118
4.4.2	Tindak Balas Kerajaan	119
4.4.2.1	Dasar Pengembangan Kemahiran	119-120
4.4.2.2	Dasar Pengembangan Kerjaya	120-124
4.5	Rumusan Bab	124-125

BAB 5: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.0	Pengenalan	126
5.1	Ringkasan Kajian	126
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	136
5.2.1	Dapatan Objektif Kajian Pertama : Meninjau Faktor Mempengaruhi Pengangguran Belia Yang Menceburi Ekonomi Gig Di Kota Kinabalu, Sabah.	127-128
5.2.2	Dapatan Objektif Kajian Kedua : Menerokai Bentuk-Bentuk Ketidaksamarataan Kelas Sosial Yang Dialami Belia Yang Menceburi Ekonomi Gig Sebelum Dan Semasa Berlakunya Pengangguran Rentetan Covid-19 Di Kota Kinabalu Sabah.	128-131
5.2.3	Dapatan Objektif Kajian Ketiga : Mengenal Pasti Inisiatif Belia Yang Menceburi Ekonomi Gig Dan Tindak Balas Kerajaan Yang Dimanfaatkan Bagi Mengatasi Pengangguran Pada Masa Covid-19 Di Kota Kinabalu, Sabah.	131-133
5.3	Pengembangan Analisis Kerangka Konseptual	134-135
5.4	Implikasi Kajian	136
5.4.1	Implikasi Kajian Secara Teoritikal	136-137
5.4.2	Implikasi Kajian Secara Praktikal	137
5.4.2.1	Majikan	137
5.4.2.2	Belia Menceburi Ekonomi Gig	137-138
5.4.2.3	Tanggungjawab Pemerintah	138
5.5	Limitasi Kajian	138-139

5.6	Cadangan Kajian Akan Datang	139-140
5.7	Kesimpulan	140

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	Demografi Informan	78
------------	--------------------	----

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Kerangka Konseptual	55
Rajah 3.1	Carta Aliran Proses Kajian	60
Rajah 3.2	Pembentukan Tema Faktor Pengangguran Belia yang Menceburi Ekonomi Gig	75
Rajah 3.3	Pembentukan Tema Bentuk-Bentuk Ketidaksamarataan Kelas Sosial Yang Dialami Belia Yang Menceburi Ekonomi Gig Sebelum Dan Semasa Menganggur	76
Rajah 3.4	Pembentukan Tema Inisiatif Belia Yang Menceburi Ekonomi Gig Dan Tindak Balas Kerajaan Bagi Mengatasi Pengangguran	76-77

SENARAI GAMBAR

Gambar 3.1	Peta Kota Kinabalu, Sabah	62
Gambar 3.2	Platform Freelancer.com	63
Gambar 3.3	Platform Upwork	63
Gambar 3.4	Platform LinkedIn	64
Gambar 3.5	Laman Sesawang Wix	64
Gambar 3.6	Platform <i>Facebook</i>	65
Gambar 3.7	Platform <i>Twitter</i>	66
Gambar 3.8	Platform <i>Instagram</i>	66-67

SENARAI SINGKATAN

BRP	Bantuan Prihatin Rakyat
CIPD	Chartered Institute of Personnel and Development
DBKK	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
EPF	Employee Provident Fund
EIF	Enterprise Innovation Fund
EIS	Employment Insurance System
ILO	International Labour Organization
IWJB	Independent Workers' Union of Great Britain
JPP	Jabatan Perhubungan Perusahaan
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MDEC	Malaysia Digital Economy Corporation
MBM	Majlis Belia Malaysia
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RM	Ringgit Malaysia
SOP	Standard of Procedure
SOCSSO	Social Security Organisation
PROKENS	Program Latihan Kemahiran Kebolehpasaran Kerja
UN	United Nations

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk meneroka krisis pengangguran belia yang menceburi ekonomi gig semasa pandemik COVID-19 di Kota Kinabalu, Sabah. ILO (2020) melaporkan Malaysia mengalami kadar pengangguran yang tinggi rentetan Covid-19 terutamanya dalam kalangan belia. Tidak dinafikan bahawa berlaku peningkatan dalam jumlah pekerja ekonomi gig di Malaysia kerana kurang ketersediaan pekerjaan standard (CIPD, 2017). Buktinya, jumlah pekerja ekonomi gig menunjukkan peningkatan sepanjang Covid-19 (MEDC, 2020). Namun begitu, COVID-19 turut menyebabkan individu berkecimpung dalam pekerjaan freelancing terkesan teruk dari segi kehilangan pekerjaan rentetan Covid-19. Hal ini disebabkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) turut melaporkan bahawa berlaku pengangguran dalam kalangan individu yang terlibat dalam pekerjaan freelancing.

Jika diamati, ciri pekerjaan tersebut sememangnya berisiko untuk hilang pekerjaan kerana tiada jaminan keberlangsungan kerja (ILO, 2020). Hal ini mempengaruhi berlakunya ketidakseimbangan dalam kelas sosial antara golongan pekerja ekonomi gig seperti freelancing berbanding pekerja tradisional lain. Kajian ini dijalankan bertujuan meneroka krisis pengangguran belia yang menceburi ketidakteguhan pekerjaan iaitu pekerja bebas dalam ekonomi gig rentetan COVID-19 di Kota Kinabalu, Sabah. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan mengemukakan latar belakang kajian dan permasalahan kajian yang akan membentuk persoalan dan objektif kajian berkenaan senario tersebut seterusnya menjelaskan metodologi kajian, dan apakah kepentingan kajian dengan lebih mendalam berkenaan kajian yang ingin dilaksanakan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penyebaran wabak COVID-19 bukan sahaja memberi dampak kepada kesihatan dan kehidupan ribuan masyarakat di seluruh dunia, tetapi juga kepada kestabilan ekonomi dan pekerjaan semasa (ILO, 2020). Hal ini disebabkan peningkatan wabak COVID-19 mendorong kepada pelaksanaan pelbagai langkah untuk mencegah penyebaran pandemik seperti penutupan premis perniagaan, sekolah, dan tempat

kerja (ILO, 2020). Senario ini mengakibatkan banyak organisasi tidak dapat meneruskan aktiviti kerja sehingga ada yang terpaksa ditutup akibat krisis kewangan (ILO, 2020). Secara tidak langsung, ramai pekerja terpaksa diberhentikan. Antara golongan yang paling terkesan dalam krisis pengangguran adalah belia. Buktinya, dalam pasaran buruh di peringkat global, berlaku peningkatan pengangguran belia rentetan COVID-19 iaitu daripada 14.3% kepada 27.1% dalam kalangan belia lelaki.

Manakala berlaku peningkatan daripada 20.4% kepada 28.4% dalam kalangan belia wanita (ILO, 2020). Di Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) melaporkan bahawa kadar pengangguran umum telah melonjak naik kepada 5.0% iaitu berlaku peningkatan sebanyak 48.8% berbanding tahun sebelumnya (ILO, 2020). Tidak dinafikan bahawa di Malaysia, golongan belia menyumbang seramai 2.8 juta tenaga buruh, iaitu sebanyak 18%. Namun begitu, 58.2% daripadanya sudah mewakili jumlah penganggur (ILO, 2020). Jika mengambil kira kadar pengangguran belia di Sabah, tahun-tahun sebelumnya mencatatkan kadar pengangguran sehingga 112,110 orang bagi tahun 2018. Namun begitu, kadar tersebut terus melonjak kepada 5.5% bagi tahun 2020 rentetan COVID-19 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Tidak dinafikan bahawa pekerjaan ekonomi gig dilihat sebagai alternatif bagi sebilangan pekerja sewaktu kemerosotan ekonomi (Oyer, 2020). Ianya juga membantu individu memperoleh kerja yang mana mampu mengatasi pengangguran (Donovan, Bradley, & Shimabukuro, 2016). Lebih-lebih lagi, golongan belia yang terpaksa menceburi ekonomi gig akibat ketersediaan pekerjaan tradisional yang semakin berkurangan (CIPD, 2017). Buktinya, ILO (2020) menyatakan bahawa fleksibiliti dalam pekerjaan ekonomi gig secara digital turut menjadi penarik kepada kaum muda untuk mencari kerja pada masa ini. Namun begitu, COVID-19 telah memberi impak kepada semua individu yang menyertai ekonomi gig. Hal ini disebabkan pekerjaan ekonomi gig seperti freelancing ini tidak terjamin dan berisiko untuk hilang pekerjaan (ILO, 2020). Risiko hilang pekerjaan ini dikaitkan dengan '*nature of work*' pekerja bebas yang berisiko dan tidak teguh sehingga membolehkan majikan menamatkan hubungan kerja pada bila-bila masa jika perkhidmatan pekerja sudah tidak diperlukan (Vega, Cecchinato, & Rooksby, 2020; & ILO, 2020).

Jika dilihat dari segi kelas sosial, masyarakat dapat diklasifikasikan berdasarkan kerjaya, status ekonomi, dan pendidikan (Weber, 1903). Pekerjaan tidak teguh dikelompokkan dalam kelas pekerja disebabkan mereka adalah orang yang diambil bekerja oleh orang lain dan tidak bekerja jawatan pengurusan (Barrachina *et al.*, 2014). Namun begitu, Standing (2011) yang terkenal dengan kajiannya iaitu *Precariat : The New Dangerous Class* mendakwa bahawa pekerjaan yang mendemonstrasikan ciri tidak teguh ini kurang dari segi identiti pekerjaan. Meskipun mempunyai pekerjaan, tetapi mereka seolah-olah tidak mempunyai kerja sehinggakan timbul perasaan bahawa mereka bukannya sebahagian daripada komuniti pekerja yang mana mewujudkan rasa keterasingan. Muntaner (2018) dalam kajiannya mengulas bahawa meskipun pekerja digital seperti ekonomi gig dilihat sebagai satu kelas sosial baharu kerana tidak tergolong dalam mana-mana kelas sosial lainnya, tetapi isu pekerjaan yang dialami oleh pekerjaan ini sama sepertimana yang dialami oleh kelas pekerja lain. Sebagai contoh, isu gaji, kondisi pekerjaan, dan hak kolektif (Muntaner, 2018).

Apabila merungkai jenis pekerjaan yang tidak teguh, tidak dinafikan bahawa ekonomi gig terutamanya *freelancing* berdepan dengan ketidaksamarataan dari segi kelas sosial disebabkan berlakunya jurang dari segi pemerolehan manfaat dan perlindungan sosial yang mana bertentangan dengan pekerjaan standard lain (ILO, 2020). Apabila pengangguran berlaku, ianya turut memberi dampak dalam kehidupan dari segi ketidaksamaan kelas sosial (OECD, 2018). Hal ini disebabkan wujudnya ketidaksamarataan yang mana apabila individu menjadi penganggur, mereka biasanya kurang mendapat sokongan sosial oleh tokoh, badan, atau pihak berkuasa berbanding dengan individu yang bekerja (Jackson, 1999). Bukan itu sahaja, malah ketidaksamarataan sejurus bergelar penganggur juga berlaku kerana kurangnya jaminan sosial yang boleh mempengaruhi keberlangsungan kehidupan (UN, 2020).

Individu yang berkecimpung dalam pekerjaan tidak teguh termotivasi untuk mempertahankan hak mereka melalui beberapa strategi (Kalleberg *et al.*, 2018). Dalam membincangkan inisiatif belia dalam ketidakteguhan pekerjaan ini, terdapat

pelbagai usaha terdahulu telah dilaksanakan di negara Barat. Buktinya, Johnston dan Kazlauskas (2019) menjelaskan bahawa wujudnya pembentukan kesatuan bebas dalam kalangan pekerja tidak standard. Apa yang membezakannya dengan kesatuan tradisional adalah mereka tidak memperoleh perjanjian kolektif. Namun begitu, gerakan ini dikritik kerana mampu menyebabkan persaingan dalam kesatuan untuk mendapatkan hak perwakilan sehingga mampu menjejaskan organisasi. Meskipun mendapat tentangan, kesatuan bebas ini tetap melaksanakan pelbagai kaedah untuk memperoleh pengiktirafan rasmi agar mendapat hak perwakilan bagi mengutarakan isu mereka. Salah satu contohnya adalah Kesatuan Pekerja Bebas Britain (IWGB) yang diwujudkan di United Kingdom dan terkenal sebagai kesatuan baru untuk pekerja ekonomi gig.

Namun begitu, ianya tidak mendapat perlindungan dan perundingan kolektif yang sama sepertimana yang diperoleh kesatuan sekerja tradisional lain. Jika dilihat dalam konteks negara Malaysia, meskipun pelbagai usaha dilaksanakan oleh pihak kerajaan yang memberi manfaat kepada kepada pekerja ekonomi gig, tetapi ianya adalah jangka pendek sahaja (Lin Lean Lim, 2020). Berdasarkan penjelasan di atas, kajian ini diharapkan dapat mengupas isu-isu pengangguran terkini dan kontemporari dalam konteks COVID-19 merangkumi belia yang berkecimpung dalam pekerjaan yang mendemonstrasikan ciri ketidakteguhan pekerjaan iaitu pekerjaan bebas (*freelance*) dalam ekonomi gig di Kota Kinabalu, Sabah.

1.3 Permasalahan Kajian

Pekerjaan '*gig-economy*' dilihat semakin meningkat di Malaysia. Buktinya, Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) melaporkan bahawa terdapat 2.2 juta pekerja telah berdaftar sebagai pekerja ekonomi gig dan angka tersebut masih menunjukkan peningkatan (ILO, 2020). Berdasarkan laporan Jabatan Perhubungan Perusahaan (2020) berkenaan statistik pekerjaan ekonomi gig bagi tahun semasa, 60% pekerja adalah pekerja atas permintaan dan 46% golongan milenial merupakan pekerja bebas (JPP, 2020). Hal ini menyebabkan pekerjaan pekerjaan bebas mengalami pertumbuhan sebanyak 31% (JPP, 2020). Pertumbuhan ini didorong oleh fleksibiliti sehingga dilihat mampu mengatasi masalah pengangguran kerana individu yang kehilangan pekerjaan cenderung berkecimpung dalam ekonomi gig yang mana

dilihat sebagai peluang kerjaya (ILO, 2020). Lagipula, halangan untuk memasuki pekerjaan tersebut adalah rendah dan kerja lebih fleksibel yang mana membolehkan pekerja terlibat dalam pekerjaan bebas, di mana sahaja, dan bila-bila pekerja diperlukan (Huang *et al.*, 2020). Ianya disokong oleh kajian ILO (2020) yang mendapati 88 % golongan muda baru bergraduasi yang dibebani hutang mempengaruhi mereka untuk terus bekerja sementara, separuh waktu, pekerjaan kasual dan pekerjaan gig.

Namun begitu, isu ini sedikit bertentangan dengan senario pekerjaan ekonomi gig sepertimana yang ditonjolkan dalam pekerjaan bebas. Tidak dinafikan bahawa pekerja bebas mampu melaksanakan kerja dari rumah tanpa had kerana wujudnya digitalisasi, tetapi golongan ini turut berdepan dengan kehilangan punca pendapatan dan pekerjaan yang tinggi (ILO, 2020). Buktinya, Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), melaporkan pekerja bebas termasuk dalam statistik 2.81 juta pekerja paling terjejas kerana berdepan dengan risiko pengangguran dan kehilangan pekerjaan yang tinggi disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang COVID-19. Secara tidak langsung, ianya mampu menyumbang kepada angka dalam peningkatan kadar pengangguran di Malaysia sepanjang COVID-19 iaitu mencecah 5.0% sepertimana yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi suku pertama tahun 2020. Senario ini menunjukkan sebilangan individu seolah-olah berselindung dibalik pekerjaan 'ekonomi gig', sedangkan wujud fasa-fasa interim yang mana individu perlu melalui situasi 'ingin bekerja dan boleh bekerja, tetapi tidak mempunyai pekerjaan' sepertimana yang diklasifikasikan Long (1959). Jika tidak pun, wujud keadaan yang mana 'pekerja yang layak dan bersedia untuk menerima gaji dan upah, tetapi tidak ada peluang pekerjaan buat masa tersebut' sepertimana yang didefinisikan oleh Perkin (1992).

Hal ini dikatakan demikian kerana pekerja bebas hanya mempunyai kerja apabila terdapat majikan yang mengambil mereka bekerja, tetapi sebaik sahaja kontrak tamat, mereka tidak lagi terikat dengan kontrak tersebut dan perlu mencari majikan lain meskipun masih berkecimpung dalam pekerjaan bebas (ILO, 2020). Berdasarkan kajian Dunn *et al.*, (2020) sepanjang COVID-19, berlakunya penurunan dari segi penawaran kerja kepada pekerja bebas kerana wujud peningkatan dari segi

persaingan. Hal ini menyebabkan pekerja lebih memfokuskan kepada kemungkinan untuk permintaan terhadap perkhidmatan mereka berkurang (Dunn *et al.*, 2020). Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilaksanakan oleh Vega, Cecchinato, & Rooksby (2020) yang menegaskan bahawa COVID-19 menyebabkan pekerjaan ekonomi gig seperti pekerja bebas berdepan dengan penurunan dalam permintaan untuk pelbagai perkhidmatan. Pengkaji juga menyatakan bahawa keadaan pekerjaan bebas ini pada dasarnya berdepan dengan situasi yang semakin rumit disebabkan sifat, ciri dan struktur pekerjaan tersebut sendiri. Namun begitu, dalam kajian ini, Vega, Cecchinato, & Rooksby (2020) menjelaskan bahawa pekerjaan bebas masih kurang diterokai kerana hanya sedikit sahaja kajian yang dilaksanakan berkenaan skop pekerjaan tersebut sepanjang berlakunya COVID-19.

Antara kajian tersebut adalah kajian Institute AppJobs (2020), Spurk dan Straub, (2020) dan Dunn *et al.*, (2020). Oleh itu, pengkaji menyarankan agar lebih banyak kajian akan datang yang turut dijalankan dalam skop pekerjaan ini. Berdasarkan percanggahan isu dan limitasi kajian, pengkaji termotivasi untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi pengangguran belia yang berkecimpung dalam ekonomi gig rentetan COVID-19 dengan memfokuskan kepada pekerja bebas. Lagipula, Vega, Cecchinato, & Rooksby (2020) ada menegaskan pekerjaan ekonomi gig terjejas disebabkan '*nature of work*' mereka yang sememangnya tidak menentu dan berisiko. Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin melihat sejauh manakah ciri-ciri ketidakteguhan pekerjaan mempengaruhi pengangguran belia yang berkecimpung dalam pekerjaan bebas dalam ekonomi gig di Kota Kinabalu, Sabah. Bukan itu sahaja, dapatan kajian Dunn *et al.*, (2020) juga ada menyatakan berlaku peningkatan dari segi persaingan rentetan COVID-19 dalam pekerjaan bebas yang mana menimbulkan persoalan. Belia cenderung ke arah pekerjaan ekonomi gig seperti pekerjaan bebas turut mempengaruhi pengangguran akibat persaingan dalam pekerjaan itu sendiri? Jika ya, maka pekerjaan bebas dalam ekonomi gig yang dikatakan mampu mengatasi isu pengangguran dapat dipersoalkan.

Ketidakteguhan dalam pekerjaan juga memberi dampak kepada isu ketidaksetaraan dari segi sebelum dan semasa berlakunya pengangguran. Jika memfokuskan kepada pekerjaan yang tidak teguh seperti pekerja bebas, mereka

telah berdepan dengan ketidaksamarataan dari segi kelas sosial dalam persekitaran pekerjaan lagi kerana mereka tidak mendapat faedah seperti penjagaan kesihatan, persaraan, cuti, dan perlindungan tempat kerja yang lain diberikan kepada pekerja sepenuh masa (Dunn *et al.*, 2020; ILO, 2016; McKay *et al.*, 2019). Kajian Wood *et al.*, (2018) menyatakan bahawa pekerjaan gig berdepan dengan ketidaksamaan dan ketidakadilan yang lebih luas. Berdasarkan pernyataan tersebut, Carlos Alvarez de la Vega, Cecchinato, & Rooksby (2020) telah menambah dalam kajian mereka bahawa COVID-19 telah menyebabkan ketidakadilan yang dialami oleh pekerja ekonomi gig ini semakin menekan sehingga terpaksa menanggung risiko pekerjaan yang besar. Ketidaksamarataan tersebut juga dipengaruhi oleh tindakan yang diambil oleh syarikat atau majikan sepanjang COVID-19. Namun begitu, isu tersebut tidak dikupas dengan lebih mendalam sehinggakan tidak dapat dilihat dengan jelas bentuk-bentuk ketidaksamarataan tersebut. Sehubungan dengan itu, pengkaji terdorong untuk meneroka dengan lebih mendalam melalui kaca mata golongan pekerja bebas yang terjejas untuk melihat bentuk-bentuk ketidaksamarataan kelas sosial yang dialami sebelum dan semasa menganggur rentatan COVID-19. Hal ini penting untuk melihat adakah ciri pekerjaan bebas yang mendemonstrasikan ketidakteguhan pekerjaan turut mempengaruhi ketidaksamarataan selepas berlakunya pengangguran ataupun tidak.

